

# 'Jika hanya rayu undi orang muda, tidak akan menang'

UM - 4/9/2020 m/s 6

Oleh **HASIF IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Pengasas Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak tahu kenapa Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mahu menubuhkan parti baharu.

Malah, bekas Perdana Menteri itu yakin parti berasaskan golongan muda yang dicetuskan bekas Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu tidak akan berjaya bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Katanya, walaupun peraturan golongan muda yang berada

di dalam senarai daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) agak besar, namun mana-mana kawasan di negara ini tidak boleh bergantung kepada golongan muda semata-mata.

"Sayamenghormati hasrat Syed Saddiq walaupun difahamkan perbincangan mengenai penubuhan parti, strategi, kedudukan dan jawatan belum diumumkan kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi yang meraikan pendapat, pandangan serta hak mana-mana golongan yang ingin menubuhkan parti.

"Dalam mana-mana kawasan (Parlimen dan Dewan Undangan Negeri) mesti ada orang tua dan orang muda. Jika dia hanya

merayu (undi) pada golongan muda semata-mata, tidak boleh menang," katanya dalam sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam.

Dr. Mahathir berkata, Syed Saddiq dahulu merupakan penyokong kuat Pakatan Harapan (PH) dan beliau masih ada hubungan yang baik dengan bekas Menteri Belia dan Sukan itu.

Katanya, beliau tiada masalah sekiranya hasrat parti Syed Saddiq adalah untuk menentang rasuah dan perkara seumpama itu.

Beliau mengulas hasrat Syed Saddiq yang ingin menubuhkan parti bagi mengangkat martabat golongan muda di negara ini, sekali

gus berupaya menambah bilangan ahli parlimen dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Baru-baru ini, Syed Saddiq, 28, mendakwa partinya bakal mendapat sokongan baik daripada anak muda selepas mengadakan beberapa siri perjumpaan bersama ikon-ikon terkenal negara ini.

Dalam mesyuarat Rundingan Muda Malaysia di Kelab Sultan Sulaiman baru-baru ini, Ahli Parlimen Muar itu memberitahu, rata-rata peserta membangkitkan keperluan orang muda terlibat secara langsung dalam politik nasional tanah air tanpa mengira latar belakang dan warna kulit.



**BEKAS** Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (tengah) bercakap pada sidang akhbar pimpinan penaja Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya semalam.